

KANDUNGAN

Halaman 1
TERBAHARU DI APLIKASI UPI


Halaman 2 dan 3
IMBASAN KUNJUNGAN HORMAT DAN
LAWATAN KERJA (SEHINGGA APRIL 2021)

Halaman 4
SUMBANGAN ARTIKEL ATAU LAPORAN
BERGAMBAR AKTIVITI GEOSPATIAL UNTUK
BULETIN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM
(BGSA) EDISI 2021


TERBAHARU DI APLIKASI UPI

Unique Parcel Identifier atau lebih dikenali sebagai **UPI** merupakan salah satu aplikasi bagi memudahkan pengguna dalam carian kod dan nama sempadan pentadbiran tanah.


Kini, aplikasi UPI telah ditambah dengan fungsi baharu bagi memaparkan *dashboard* statistik setiap negeri di Malaysia. Berikut merupakan contoh statistik yang telah ditambah dalam aplikasi UPI:




Statistik bilangan daerah/jajahan/bahagian yang ada dalam setiap negeri




PAPARAN PENUH DASHBOARD UPI MENGIKUT NEGERI



Statistik bilangan mukim/pekan/bandar pada negeri yang dipilih



Statistik mukim/pekan/bandar dalam setiap daerah pada negeri yang dipilih



Jumlah mukim/pekan/bandar pada negeri yang dipilih

Imbas QR code aplikasi UPI sekarang untuk melihat penambahan fungsi baharu ini:



IMBASAN KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA (SEHINGGA APRIL 2021)

Hubungan dua hala antara PGN dengan agensi dapat memantapkan outreach dan kolaborasi MyGDI. Ini direalisasikan dengan kunjungan hormat ke agensi luar dan penerimaan lawatan kerja daripada pelbagai agensi.

Gambar kenangan kunjungan hormat dan lawatan kerja yang telah dijalankan sehingga April 2021 adalah seperti berikut:

1

PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL (PHN)



TARIKH: 18 Mac 2021

TEMPAT: Bilik Mesyuarat Batimetri, Pusat Hidrografi Nasional (PHN)

OBJEKTIF: Perbincangan penambahbaikan struktur tadbir urus MyGDI

2

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)



TARIKH: 23 Mac 2021

TEMPAT: Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

OBJEKTIF: Libat urus penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara (NBDAC) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

IMBASAN KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA (SEHINGGA APRIL 2021)

3 BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR (BPENJ) BERSAMA AGENSI TEKNIKAL NEGERI



TARIKH: 12 April 2021

TEMPAT: Bilik Mesyuarat Mutiara, Aras 13, Wisma Sumber Asli

OBJEKTIF: Libat urus Kerajaan Negeri Johor bersama PGN untuk menubuhkan pusat data GIS negeri

4 JABATAN PERTANIAN (DOA) NEGERI PERAK



TARIKH: 20 April 2021

TEMPAT: Dalam Talian

OBJEKTIF: Menjalinkan kerjasama geospasial bagi tujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan pertanian negeri

PGN selaku penyelaras MyGDI ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi yang menerima kunjungan hormat dari PGN serta kepada agensi yang telah mengadakan lawatan kerja ke PGN.

Kejayaan kolaborasi bersama semua pihak berkepentingan adalah tunjang bagi memastikan objektif MyGDI tercapai. Untuk sebarang pertanyaan berkenaan kunjungan hormat atau lawatan kerja, sila hubungi e-mel pgn.p&o@ketsa.gov.my.

Jom!

**SUMBANGKAN ARTIKEL ATAU LAPORAN BERGAMBAR
AKTIVITI GEOSPATIAL ANDA**

PGN akan menerbitkan senaskhah Buletin Geospasial Sektor Awam (BGSA) yang mengandungi perkembangan MyGDI serta aktiviti-aktiviti geospasial di seluruh negara. BGSA turut mengalu-alukan penghantaran artikel dan laporan bergambar aktiviti geospasial yang dilaksanakan di agensi atau organisasi anda. Artikel atau laporan bergambar yang terpilih akan dijadikan salah satu kandungan di dalam penerbitan BGSA Edisi 2021. Jadi, jangan lepaskan peluang untuk serlahkan bakat penulisan anda!



PANDUAN UMUM PENULISAN:

- Penghantaran boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
- Setiap artikel teknikal perlu mempunyai abstrak dan perlu ditulis dengan huruf condong (*italic*);
- Format-format lain adalah seperti berikut:

- ◆ Jenis huruf (*font*) : Arial
- ◆ Saiz huruf bagi tajuk : 12
- ◆ Saiz huruf : 10
- ◆ Langkau (*spacing*) : *Single*
- ◆ *Margin* : Atas, bawah, kiri dan kanan ialah 2.5 cm
- ◆ Justifikasi teks : Kiri
- ◆ Lajur (*column*) : Satu lajur setiap muka surat

BAYARAN SAGUHATI



- Sumbangan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* aplikasi **Microsoft Word**;
- Semua imej grafik hendaklah dalam format **.tif** atau **.jpg** dengan resolusi tidak kurang daripada 150 d.p.i.; dan
- Segala pertanyaan dan sumbangan hendaklah dinyatakan sebagai **Untuk Perhatian: Sekretariat Buletin Geospasial Sektor Awam, PGN** dan ditujukan kepada alamat yang tertera di bawah.

Diterbitkan oleh:

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156
FAKS: 03 - 8889 4851



**KEMENTERIAN
TENAGA DAN SUMBER ASLI**